

Peruntukan semua projek dalam Belanjawan 2024 sudah diagih

Kali pertama dalam sejarah perbendaharaan, tak perlu selepas suku pertama tahun semasa

Cyberjaya: Kali pertama dalam sejarah perbendaharaan negara, peruntukan untuk semua projek yang diumumkan dalam Belanjawan 2024 sudah disalurkan kepada pelbagai kementerian bulan ini, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Langkah itu, kata Perdana Menteri, untuk membolehkan semua projek terbabit dilaksanakan segera berbanding menunggu selepas suku pertama tahun semasa seperti diamalkan sebelum ini.

"Isu yang kita bangkitkan dan diutarakan oleh Ketua Setiausaha Negara (Tan Sri Mohd Zuki Ali), adalah memastikan projek yang diumumkan ketika Bajet 2024, tidak seharusnya

tunggu seperti proses sebelum ini, iaitu selepas suku pertama, ia harus dimulakan sekarang.

"Mengambil kira pencapaian rekod pelaksanaan projek pada 2023, untuk 2024, kami mahu ia segera dilaksanakan. Ini bermakna, mereka boleh melaksanakan projek itu sekarang tanpa perlu menunggu selepas suku pertama tahun terbabit," katanya.

Menjelaskan demikian pada sidang media selepas sesi pemukiman Jemaah Menteri, di sini semalam, Anwar turut menjelaskan, perkara paling utama dalam hala tuju negara tahun ini adalah kestabilan politik yang diikuti dasar jelas.

Laksana beberapa inisiatif

Katanya, kerajaan juga sudah melaksanakan beberapa inisiatif dan program yang diperlukan diselaras oleh Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI), disusuli tindakan oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA).

"Ini menjadi aduan utama yang diutarakan oleh pelabur berpotensi dari China dan Amerika Syarikat dalam banyak pertemuan saya dengan mereka



Program Pemukiman Jemaah Menteri Kerajaan Perpaduan 202b di Cyberjaya.

(Foto FB Anwar Ibrahim)

sebelum ini. Perkara ini boleh diselesaikan berdasarkan komitmen dan saya melihat keputusan yang positif daripadanya.

"Ia (komitmen) harus menjadi keutamaan," katanya turut mengulas mengenai perubahan dirancang untuk Pendidikan

dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) serta isu latihan dan peningkatan kemahiran tenaga kerja negara.

Perdana Menteri berkata, beberapa perubahan besar perlu dilakukan dengan kerjasama syarikat berkaitan kerajaan

(GLC), termasuk bidang TVET.

"Kita sudah minta PETRONAS dan GLC lain untuk lebih agresif dalam meningkatkan potensi (tenaga kerja berkemahiran) dan memenuhi keperluan dalam sektor tenaga buruh serta infrastruktur," katanya.